

21/06/1999

Azam Pemuda tentang serangan pembangkang

PERGERAKAN Pemuda Umno mahu ahli parti menggembelng tenaga serta memperkemaskan usaha ke arah menentang sebarang tentangan parti pembangkang menjelang pilihan raya umum akan datang.

Pemangku ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata ujian kepemimpinan yang dilalui sebelum ini berjaya memantapkan perpaduan ahli hingga membolehkan Umno keluar daripada kemelut dengan gagah dan megah, untuk kekal sebagai lambang ketuanan Melayu.

"Dengan semangat yang kita tunjukkan dan iltizam yang kita gembelng, marilah kita sama-sama tanam dan suntik dalam jiwa Umno, komitmen dan iltizam untuk bersatu seolah-olah kita tidak pernah bersatu sebelum ini.

"Mari kita kukuhkan parti kita supaya Insya-Allah, Umno dan ahlinya di semua peringkat sama ada pusat, negeri dan bahagian boleh berhadapan ... boleh kita pulun musuh-musuh kita dalam pilihan raya akan datang," katanya ketika menggulung perbahasan di Perhimpunan Agung Umno, semalam.

Hishammuddin berkata, perhimpunan kali ini bermula apabila Presiden parti menyelami warisan sejarah Umno dengan mengimbas kembali kejayaan parti membangunkan negara tercinta.

Menurutnya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan ahli bahawa yang meruntuhkan orang Melayu ialah orang Melayu sendiri serta mengingatkan yang boleh menjatuhkan parti Umno adalah orang Umno sendiri.

"Pemuda Umno sebagai sayap yang menjunungi institusi parti, benteng yang nyata sepanjang perjuangan anak bangsa Melayu, berikrar akan mempertahankan parti kita dengan titisan darah terakhir," katanya.

Beliau berkata, Pemuda Umno tidak rela parti dijatuhkan oleh pengkhianat bangsa dan berjanji akan berkorban apa saja, hatta jiwa dan raga untuk mempertahankan maruah agama dan negara.

"Wahai Nik Aziz, wahai Fadzil Noor, Lim Kit Siang, Al Gore, wahai Wan Azizah, Pemuda Umno memberi ingatan kalau berjalan, peliharalah kaki; kalau bercakap peliharalah lidah, terguris kaki badan binasa, tergulung lidah buruk padahnya," katanya.

(END)